

Makmal kajian bakal dibina di Gedong

GEDONG: Makmal kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Swinburne Sarawak akan dibina di Mini Isthmus, Gedong yang mana projek pembinaan kompleks baharu di Gedong itu kini sudahpun bermula.

Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata kedua-dua makmal tersebut akan mempunyai tujuan yang berbeza namun bersama-sama meningkatkan sektor pertanian di kawasan Gedong.

“Kita akan mempunyai makmal untuk universiti pertanian dan juga Universiti Swinburne Sarawak.

“Makmal bagi Universiti Swinburne ini akan lebih memfokuskan kepada teknologi yang akan digunakan dalam pertanian yang menggunakan kaedah digitalisasi dalam penyimpanan data hasil pertanian,” katanya

Beliau berkata demikian dalam sesi sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Projek Agrihub @Gedong di sini, semalam.

Katanya lagi, kedua-dua makmal serta fasiliti lain seperti pejabat pentadbiran dan pusat komersial dijangka dapat disiapkan menjelang 2025 dan akan dibangunkan dari peringkat ke peringkat sehingga 2027 bagi peringkat pertama pembinaan Mini Isthmus tersebut.

Selain itu,, antara lain yang akan ditingkatkan di kawasan Gedong termasuklah bekalan elektrik dan air di bawah salah satu projek meningkatkan infrastruktur asas di kawasan Gedong bagi kemudahan masyarakat setempat.